

ISU-ISU DAN MASALAH ADAPTASI ANTARABUDAYA DALAM KALANGAN PELAJAR MALAYSIA DI UNITED KINGDOM DAN AUSTRALIA

(Issues and problems of intercultural adaptation among Malaysian students in The United Kingdom and Australia)

Abdul Latiff Ahmad, Nur Zalila Md Zamri, Ali Salman, Emma Mirza Wati Mohamed & Hasrul Hashim

ABSTRAK

Kajian ini menerokai proses adaptasi antarabudaya yang dilalui oleh pelajar sarjana dan PHD daripada Malaysia yang melanjutkan bidang pengajian di Australia dan United Kingdom. Kajian ini telah memfokuskan hanya kepada elemen kejutan budaya dan proses penyesuaian di dalam Model Lekuk U oleh Lsygaard (1955). Kajian ini turut memberi fokus kepada cabaran sebagai seorang Muslim dan juga isu-isu yang dihadapi oleh pelajar Malaysia di luar negara. Matlamat kajian ini adalah untuk melihat sejauhmana para pelajar ini mampu mengadaptasi diri mereka dan apakah cabaran yang dilalui sebagai seorang pelajar yang datang daripada budaya yang berbeza. Kajian ini dilaksanakan menggunakan kajian kumpulan fokus. Para pelajar Malaysia didapati menghadapi cabaran sosial, persekitaran dan mengadaptasi diri sebagai seorang Muslim.

Kata kunci: adaptasi, kejutan budaya, pelajar Malaysia, model lekuk U, Muslim

ABSTRACT

The purpose of this study is to understand the adaptation process that occurs among research higher degree students from Malaysia who were currently studing in Australia and the United Kingdom. This research focuses on the culture shock and the adjustment process of Lsygaard's U Curve Model (1955). The study looks at the challenges faced by students as Muslims and also issues they faced being a Malaysian student overseas. The goal of this study is to look at how they are able to adapt themselves and also the challenges they faced as studenst who come from a very different culture. The research was carried out using focus group study. Malaysian students faced various social and environmental challenges and also the challenge of adapting as a Muslim.

Keywords: adaptation, cultural shock, Malaysian students, U curve model, Muslim

PENGENALAN

Berdasarkan statistik dari buku Perangkaan Kementerian Pendidikan Malaysia (Sektor Pengajian Tinggi) Tahun 2013 yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Australia dan United Kingdom (termasuk Ireland) merupakan dua negara yang paling ramai menerima pelajar Malaysia bertujuan untuk menyambung pengajian. Mengikut statistik pada tahun 2012, terdapat 16,152 pelajar Malaysia di Australia manakala terdapat 14,375 pelajar Malaysia di United Kingdom (termasuk Ireland). Pelajar-pelajar yang menyambung

pelajaran adalah mereka yang membiayai sendiri pelajaran ataupun mereka yang ditaja oleh organisasi seperti Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia, Majlis Amanah Raya (MARA), Petronas, Bank Negara Malaysia, Tenaga Nasional Berhad dan lain-lain lagi.

Para pelajar yang menyambung pengajian di luar negara harus melalui satu proses penyesuaian diri dengan persekitaran yang baru. Proses adaptasi ini mungkin berbeza dalam kalangan individu berdasarkan kepada personaliti diri individu dan betapa berbezanya persekitaran baru yang harus dilalui. Ianya mungkin boleh mengambil masa yang lama jika seseorang pelajar itu sukar untuk menyesuaikan diri dengan keadaan yang serba baru di sana. Dalam konteks kajian ini, pelajar Malaysia yang berasal dalam kalangan masyarakat kolektivistik perlu meyesuaikan diri dengan masyarakat Australia dan United Kingdom yang telah dikategorikan oleh Hofstede (1984) sebagai masyarakat yang terdiri dari golongan individualistik.


Pertembungan dua budaya berbeza ini akan mendedahkan pelajar-pelajar Malaysia kepada satu pengalaman komunikasi antarabudaya. Komunikasi antarabudaya merangkumi interaksi antara manusia yang mempunyai persepsi budaya dan sistem simbol yang cukup berbeza untuk memberi kesan (mengubah) aktiviti komunikasi (Samovar 2006). Kajian ini memberikan penekanan kepada elemen permasalahan yang wujud sewaktu proses adaptasi kalangan pelajar Malaysia semasa menyambung pengajian di luar negara.

MODEL LEKUK-U

Model Lekuk-U yang diasaskan oleh Lysgaard pada tahun 1955 ini menerangkan tentang proses adaptasi budaya dengan memberi penekanan kepada empat elemen utama iaitu fasa bulan madu, kejutan budaya, pemulihan dan penyesuaian. Namun fokus penyelidikan Lysgaard (1955) ini adalah tertumpu lebih kepada ahli dari masyarakat individualistik menyesuaikan diri di dalam masyarakat kolektivistik dan ianya tidak mengambil perkiraan aspek perkembangan zaman dengan kecanggihan teknologi yang mungkin dapat memberikan kesan kepada proses adaptasi di dalam budaya yang baru.

Model Lekuk-U ini menerangkan bahawa sewaktu seseorang individu memasuki ke persekitaran baru, beliau akan teruja dengan persekitaran baru itu seolah-olah berada di dalam peringkat bulan madu dengan penuh keseronokan. Kemudian, setelah beberapa lama di situ, individu mula menyedari realiti persekitaran baru dan melalui satu proses kejutan budaya di mana ianya berbeza untuk setiap manusia. Sesetengah orang mungkin akan merindui keluarga dan mula rasa sedih dan menangis sehari-hari manakala ada yang mungkin terlalu menyelami budaya baru sehingga terlupa asal-usul mereka. Seterusnya seseorang ahli baru akan mula melalui proses pemulihan dan mula akan dapat mengadaptasi sedikit dengan tempat baru tersebut. Kemudiannya ahli baru tersebut mula melihat pro dan kontra persekitaran baru dan mula dapat adaptasi sepenuhnya dengan keadaan yang sangat berbeza dengan budaya asal mereka.

Rajah 1: Model Lekuk U (Lysgaard, 1955)



Berpandukan kepada model Lekuk U yang mana terdapat empat fasa iaitu fasa bulan madu, fasa kejutan budaya, fasa penyesuaian dan fasa penguasaan. Kajian ini memberikan fokus hanya kepada bahagian kejutan budaya pelajar dan juga proses penyesuaian dalam adaptasi.

PENGALAMAN ANTARABUDAYA

Menurut Thomas & Ravlin (1995) adaptasi budaya adalah penyesuaian tingkah laku ke dalam budaya negara luar. Adaptasi ini dapat dilihat daripada sudut bagaimana seseorang itu dapat menyesuaikan serta menguruskan kehidupan sehariannya dalam kehidupan budaya baru. Proses ini sering kali berlaku akibat daripada proses penghijrahan, perpindahan yang terjadi apabila ianya melibatkan penglibatan dengan negara asing. Terdapat banyak persediaan yang perlu dilakukan memandangkan tidak hanya kelengkapan menerusi aspek luaran iaitu fizikal sahaja yang perlu diambil kira oleh seseorang itu, tetapi juga menerusi aspek dalaman seseorang seperti jati diri, nilai-nilai, gaya hidup serta budaya yang dikendong sejak mereka dilahirkan. Aspek dalaman lebih memainkan peranan penting di mana jika dalaman seseorang kuat, maka dia akan mampu berhadapan dan bertahan untuk meneruskan kehidupan di tempat baru.

Gabel, Dolen dan Cerdin (2005) melihat adaptasi antarabudaya sebagai satu proses transformasi yang dilalui oleh individu di dalam percubaan untuk menjalinkan hubungan dengan masyarakat di sesebuah negara baharu. Constantine, Okazaki dan Utsey (2004) turut mengukuhkan pendapat dengan mengatakan bahawa adaptasi antarabudaya memerlukan seseorang individu untuk mendalami dan memahami budaya baharu dan cuba untuk menggabungkan tingkah laku dan nilai hidup mereka dengan budaya masyarakat baharu.

Sakurai, McCall-Wolf dan Kashima (2010) mengatakan bahawa antara cabaran utama pelajar berada di luar negara adalah merasa diri mereka terasing dan juga keliru dalam pemahaman budaya baharu. Gresham (2003) mengatakan bahawa para pelajar memerlukan sistem sokongan yang baik untuk mereka menerajui hidup di dalam budaya baru. Sistem sokongan ini boleh wujud dalam kalangan pelajar-pelajar Malaysia, kawan-kawan antarabangsa yang baru ditemui dan juga kawan-kawan yang seagama dengan mereka.

Pelajar akan mula mencari persamaan dan mula mencari satu persahabatan yang boleh mereka bergantung.

Namun Williams dan Johnson (2011) mengatakan bahawa mungkin agak sukar untuk sistem sokongan tersebut wujud dalam kalangan masyarakat tempatan dan masyarakat luar. Ianya adalah kerana menurut kajian beliau, kadangkala pelajar-pelajar tempatan mempunyai sikap prejudis ke atas pelajar-pelajar baharu. Pelajar-pelajar perlu lebih bersifat terbuka untuk menerima perbezaan masing-masing dan cuba untuk mencari persamaan sesama mereka.

Kejutan budaya berlaku apabila berlakunya perpindahan atau penghijrahan daripada sesuatu tempat yang kita tidak biasa hadapi. Terma pertama kejutan budaya atau *culture shock* ini diperkenalkan oleh Oberg (1960) di mana beliau memberikan definisi terhadap fenomena ini bahawa, kejutan budaya berlaku apabila rasa takut akan kehilangan identiti diri dan masyarakat sekeliling. Antara situasi yang berlaku apabila kita merasakan bahawa kita seolah-olah berada di satu tempat yang baru dan kehilangan kesemua asas yang pernah kita ketahui dan dilalui sebelum ini. Antaranya adalah kehilangan ekspresi wajah, adab dan norma, bagaimana mahu membeli itu dan ini, dan kesemua ini menjadi sukar apabila kita mahu berhadapan dengan masyarakat sekeliling dan mahu meneruskan aktiviti sehari-hari. Definisi ini merupakan definisi penting kerana ia merupakan antara terawal yang dikeluarkan.

Kim (1988) mengatakan bahawa kejutan budaya adalah disebabkan oleh kekeliruan dalam menghadapi budaya baharu. Individu akan mula rasa tertekan dan gelisah dengan budaya yang baharu kerana simbol-simbol isyarat komunikasi telah berubah dan individu tidak lagi berada di dalam zon selesa untuk berkomunikasi dengan masyarakat baharu. Antara permasalahan isu yang boleh dihadapi oleh pelajar sewaktu mengadaptasikan di luar negara adalah isu diskriminasi. Menurut Berry (2003), diskriminasi terbentuk bukan sahaja kerana perbezaan warna kulit atau cara berpakaian tetapi juga kerana perbezaan budaya dan agama menyebabkan berlakunya prejudis.

Diskriminasi mungkin boleh terbentuk kerana perbezaan agama. Namun ianya mungkin dapat diatasi jikalau wujudnya toleransi di dalam masyarakat. Seperti yang tertera di dalam ‘Guidelines for Educators on Countering Intolerance and Discrimination against Muslims: Addressing Islamophobia through Education’ (2011), satu buku panduan untuk memahami Islam dan menangani isu diskriminasi ke atas pelajar Muslim, pengajaran tentang agama dan budaya Islam itu dapat mengurangkan diskriminasi dan sikap toleransi antara pelajar Muslim dan bukan Muslim. Pendedahan tentang sejarah Islam juga penting dan memainkan peranan besar dalam mewujudkan persefahaman dan mencari persamaan budaya antara dua budaya. Selain itu, ia juga dapat memberitahu kepada pelajar bahawa agama Islam itu bukan agama yang monolitik.

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh McDermott (2011), pelajar-pelajar wanita Muslim dari negara Arab yang melanjutkan pengajian dalam bidang kejururawatan merasakan wujudnya sentimen anti-Islam dalam kalangan masyarakat Amerika. Mereka merasakan bahawa ramai yang menjauhkan diri dari mereka hanya kerana mereka memakai hijab. Ramai yang tidak memahami tentang Islam dan mula memberikan sudut pandang stereotaip. Media juga turut memainkan peranan dengan memberikan laporan berat sebelah membuatkan ramai yang menganggap orang Islam sebagai penjenayah.

Smith dan Khawaja (2011) menyenaraikan beberapa cabaran-cabaran utama yang dihadapi oleh pelajar apabila berada di luar negara. Antara cabaran-cabaran besar yang sering dihadapi adalah dikriminasi, masalah kewangan, perbezaan bahasa, sistem pendidikan dan juga sistem budaya.

METOD

Kajian ini telah dilaksanakan menggunakan kaedah kualitatif. Kaedah yang digunakan ialah kaedah kumpulan fokus. Kaedah kumpulan fokus dijalankan terhadap graduan-graduan Malaysia yang telah melanjutkan pengajian di peringkat sarjana dan PHD di Australia dan United Kingdom. Kumpulan fokus ini kaedah menemubual beberapa orang responden dan bertanyakan soalan yang sama secara berkumpulan.

Setiap kumpulan mengandungi di antara empat sehingga ke lima responden. Antara syarat yang telah ditetapkan adalah bahawa mereka pernah melanjutkan pengajian di dalam peringkat pengajian tinggi di Australia dan United Kingdom, berusia di antara 21 hingga 45 tahun dan telah pulang ke Malaysia tidak melebihi tiga tahun yang lepas.

Para responden telah dihubungi menerusi telefon dan e-mel dan mereka telah diberi penerangan berkaitan bagaimana proses kumpulan fokus ini dijalankan dan juga hak mereka sebagai responden. Setiap kumpulan fokus telah dikendalikan oleh seorang moderator dan kesemua perbualan dan perbincangan telah dirakamkan secara audio dan kemudiaannya telah ditranskripsikan.

Bagi memberi gambaran yang lebih jelas, jadual 1 di bawah menerangkan tentang pecahan kumpulan fokus yang telah dijalankan bagi kajian ini.

Jadual 1: Kumpulan Fokus Adaptasi Antarabudaya

Kumpulan Satu	1 Lelaki	Australia	3 Perempuan	Australia
Kumpulan Dua	2 Lelaki	1 Australia 1 UK	3 Perempuan	1 Australia 2 UK
Kumpulan Tiga	4 Lelaki	3 Australia 1 UK	-	-
Kumpulan Empat	2 Lelaki	1 Australia 1 UK	3 Perempuan	2 Australia 1 UK

HASIL KAJIAN

Dalam perlaksanaan temubual kumpulan fokus ini, soalan yang diajukan adalah berpaksikan pada tema yang sama untuk tiap-tiap kumpulan. Pada bahagian ini, data temubual kumpulan fokus hanya menjurus kepada isu-isu dan permasalahan yang dilalui oleh para pelajar dalam beradaptasi dengan persekitaran baru.

Isu-isu dan permasalahan pelajar

Para pelajar telah berkongsi beberapa permasalahan yang wujud sewaktu berada di luar negara. Antara isu-isu utama adalah berkaitan dengan aspek sosial yang merangkumi aspek bahasa, aspek mendapatkan makanan dan juga berkaitan kemudahan asas lain seperti perumahan, kenderaan dan penggunaan tandas.

Masalah bahasa pada dasarnya mungkin boleh mendarangkan sedikit kesusahan pada mana-mana penghijrah yang berhijrah ke luar negara tanpa menguasai bahasa tempatan, namun bagi responden di bawah kajian saya ini, bahasa itu hanyalah masalah kecil yang boleh diatasi iaitu perbezaan itu dilihat hanya melalui ‘slang’ sahaja. Bagaimanapun, hanya beberapa minggu mereka sudah boleh mampu memahami pertuturan masyarakat di sana.

Terdapat perbezaan antara pelajar yang datang bersendirian dan juga pelajar yang datang bersama keluarga kerana terpaksa menghadapi soal penjagaan keluarga serta anak-anak. Cabaran yang mereka hadapi mungkin agak berlainan, namun permasalahan yang ketara tidak timbul di sini.

(Fendi, K3) : “...Saya mengambil masa sebulan untuk faham apa dia punya *accent* dia, kawasan kampung memang saya kadang-kadang tak faham bergulung-gulung lidah diorang”

(Sarina, K4) : “Saya masa nak ke sana, *luckily* ada Dr Chong. Dia dah ada kat sana. Lama dah dua tahun macam tu so sebelum ke sana tu macam yang lain jugaklah *mental preparation* kena ada, kewangan tu sebab kita ditanggung *so* masalah tu tak memberatkan sangatlah...”.

(Nina, K1) : “ Paling mudah *toiletlah*, dengan tak ada macam kita ni ada paip kan? Saya pelik *senior* saya bila kita *travel* dia bawa satu botol mineral besar. Mula-mula saya tak boleh tangkap *then after that* baru saya tahu kenapa..”

(Hezmee, K3) : “ Saya dah boleh *adapt* dengan Australian punya *life style* tau *ok* di mana mereka tidur awalkan kedai tutup awal kita boleh *adaptlah* dari situ. Mula-mula terasa susah pukul 9 terasa nak pergi kedai, eiii kedai tutup..”

Isu cuaca turut dibangkitkan oleh pelajar Malaysia di luar negara. Pelajar-pelajar Malaysia hanya hanya biasa dengan satu musim sahaja mengakui agak sukar pada permulaannya untuk menyesuaikan diri dengan suasana empat musim. Perbezaan suhu yang mendadak ini memerlukan mereka lebih bersedia bukan hanya menerusi aspek fizikal tetapi juga dalam aspek mental.

(Anas, K3): “..Mungkin *weather* kot pasal saya ni tak tahan sejuk di negara orang...”.

Antara masalah utama sewaktu mula tiba di luar negara juga adalah masalah untuk menukar pengiraan mata wang asing ke dalam Ringgit Malaysia. Segala barang yang dibeli dalam mata wang asing akan didarabkan oleh pelajar mengikut nilai mata wang Malaysia. Ini menyulitkan keadaan kerana pelajar merasakan bahawa barang-barang di luar negara menjadi terlalu mahal. Pelajar lebih berjimat cermat semasa di peringkat awal kedatangan mereka di sana. Kemudian lama kelamaan pelajar mula menyedari bahawa nilai kedua-dua

barang di kedua buah negara tidak boleh disamakan dengan harga tukaran wang secara langsung.

(Luqman, K1): “...*That because a plate of say,,, char kuey teow is about eight dollars ... it's like almost twenty ringgit...*”.

(Hilmi, K3): “Barang Aussie kita akan *calculate* dan *convert* ke Malaysia... kali 3.1 uihhh mahalnya nak beli menda ni, mahalnya...”.

Perasaan rindu kepada keluarga, kawan-kawan dan tanah air telah memberikan impak kepada para pelajar di luar negara. Masalah ‘homesickness’ dilalui apabila mereka mula mengenangkan suasana bersama keluarga dan kawan-kawan di Malaysia. Mereka turut berkongsi bahawa mereka mengenangkan suasana di Malaysia yang tidak dapat di luar negara sebagai contoh melepak bersama rakan-rakan di gerai dan restoran mamak sehingga lewat malam dan tidak dapat makan makanan Malaysia yang lebih menepati citarasa mereka.

(Julie, K2): “...*But I think leaving your daughter, five months old. It's terrible...*”

(Anas, K3): “...Dari segi makanan kenapa dekat sini kat mana nak cari, bahan-bahan halal *especially* macam mana nak cari sayur-sayuran *Asian*. Memang rindu sangat makanan kat sana (Malaysia)”.

(Diya, K2): “...*The shopping complex* la. Sangat pelik sebab dia tutup awal kan. Pukul lima. So macam bila malam dah takde aktiviti”.

Sebagai seorang Muslim, pelajar juga didedahkan dengan isu-isu yang agak mencabar sewaktu berada di luar negara. Para pelajar Malaysia perlu berhadapan dengan situasi di mana masyarakat luar tidak memahami tentang ajaran Islam. Cabaran sebagai seorang muslim turut dihadapi oleh beberapa orang responden terutama apabila melibatkan soal pemakaian hijab namun mereka bersyukur kerana masih boleh terus mengekalkan identiti mereka dan diwaktu yang sama masih dapat bergaul dengan para pelajar yang datang daripada latar belakang yang berbeza. Namun terdapat juga pelajar Malaysia yang merasakan bahawa diri mereka dipandang serong oleh masyarakat luar hanya kerana pemakaian hijab. Mereka dilihat sebagai seorang pesalah.

Namun apa yang menarik adalah apabila para responden ini pergi ke sebuah negara yang berlainan budaya, mereka menjadi lebih prihatin terhadap setiap perkara yang membawa nama sebagai seorang muslim. Pelbagai persoalan yang diajukan kepada mereka tentang Islam telah menyebabkan mereka lebih berusaha untuk memperbaiki diri mereka dari masa ke semasa dan pada waktu yang sama, cuba mendalami ilmu agama.

Dengan adanya persatuan pelajar-pelajar Malaysia di negara yang mereka kunjungi maka, mereka boleh berkumpul di kampus dan menjalankan aktiviti keagamaan bersama-sama dengan pelajar Islam yang lain. Aktiviti yang dijalankan adalah seperti solat berjemaah, berbincang soal agama, kuliah agama dan sebagainya. Pertubuhan ini dapat membantu proses pengadaptasian pelajar Islam di luar negara. Walaupun pelbagai aktiviti telah dijalankan, masih terdapat kekurangan dari sudut ruang keperluan bagi pelajar Muslim. Pelajar mendapati sukar untuk mengambil wuduk, menjaga kebersihan dan beribadah apabila berada di luar negara.

Namun terdapat juga situasi di mana para pelajar Malaysia diduga dengan isu berkaitan dengan Islam. Salah seorang responden menyatakan bahawa ketika berada di lapangan terbang Sydney, pihak imigresen telah memeriksa beg yang digunakan oleh beliau

sedangkan beliau telah menunjukkan visa, akan tetapi beg beliau masih juga diperiksa. Responden menyatakan bahawa berkemungkinan besar hal ini adalah disebabkan oleh nama beliau yang mempunyai *bin* maka beliau telah dilayan sedemikian rupa. Terdapat juga pelajar yang di suruh untuk membuka hijab sewaktu menduduki peperiksaan. Namun terdapat juga pelajar yang menceritakan bagaimana mereka mendapat pengalaman yang positif dimana rakan-rakan dari budaya yang berbeza mula memahami mereka.

(Sarah, K1): “*When I was there I didn’t actually wear the hijab but when I came back to Malaysia emm I decided to approaching...*”

(Nadia, K1): “*Like during exam period err invigilator actually told me to take off the scarf cause she thought it was a cap...so I’m kind a reported to the board*”

(Nina, K1): “*...There are few cases where in terms of Malaysians we tend to go out in groups and I still remember one day we walking out at night, coming back and then my friend got hit by an egg from a car back then...*”

(Sarah, K1): “*I think this is the progress in which I appreciate to Islam more because people start to asking me more so I had to read up more..*”

(Diya, K2): “*...Not much problem la except finding surau la kot, kalau nak pergi mana-mana kan. Aa..kat shopping complex or kalau kita tengok wayang ke, cari surau tu susah la. So kena pandai sendiri lah cari mana-mana tempat-tempat yang aa... and then ambik wuduk tu kan, dorang kan tak pasang, so macam boleh nampak...*”

(Nana, K1): “*They took care of me cause they know I’m muslim and know whenever we hang out they’ll be like, ok nana..don’t drink this, you’re not supposed to drink.. this is not for you..*”

PERBINCANGAN

Adaptasi merupakan isu utama yang harus ditangani oleh pelajar dalam mengharungi pembelajaran di luar negara. Pelajar bukan hanya perlu melalui proses adaptasi kerana berhadapan dengan cara pembelajaran yang baru namun pelajar juga harus menangani cabaran dan permasalahan sosial. Berdasarkan perbincangan kumpulan fokus yang dijalankan, para pelajar lebih tertumpu kepada proses adaptasi sosial dari adaptasi pengajian akademik. Di dalam perbincangan berkaitan masalah akademik yang dihadapi, tumpuan lebih kepada isu bahasa. Smith dan Khawaja (2011) menceritakan bagaimana bahasa adalah antara halangan utama pelajar di luar negara. Namun perbincangan berkaitan bahasa lebih tertumpu kepada aspek sosial dan ketika berkomunikasi dengan masyarakat luar dan bukan dalam lingkungan akademik.

Berdasarkan data daripada kumpulan fokus, dapat dilihat bahawa antara cabaran utama pelajar di luar negara adalah berkaitan isu agama dan perspektif masyarakat tempatan dan antarabangsa berkaitan agama Islam. Walaupun secara keseluruhannya pelajar mendapati bahawa isu ini adalah isu terkecil dan hanya berlaku di beberapa kawasan tertentu sahaja namun terdapat responden yang mengalami sendiri masalah diskriminasi. Antara masalah diskriminasi yang dihadapi ialah seperti diminta membuka hijab di dalam dewan peperiksaan, dibaling telur oleh sekumpulan remaja, perlu melalui proses imigrasi yang lebih teliti di lapangan terbang dan juga mempunyai perasaan rendah diri terutamanya kepada pelajar barat.

Ini adalah antara isu-isu yang dihadapi oleh pelajar Muslim Malaysia di luar negara. Pelajar perlu memahami tentang cabaran untuk berada di luar zon selesa. Suasana di antara Malaysia dengan negara Australia dan United Kingdom sangat berbeza. Kemudahan-kemudahan berkaitan agama juga agak sukar untuk didapati seperti mendapat daging yang halal ataupun tempat mengambil wuduk dan surau.

Namun telah berlaku perubahan yang ketara daripada zaman dahulu. Kini kemudahan mula disediakan namun tidaklah semewah dan mudah didapati seperti di Malaysia. Berkaitan isu diskriminasi dan dipandang serong, kajian ini hampir menyerupai seperti apa yang dibangkitkan oleh McDermott (2011). Para pelajar harus mengambil kesempatan ini untuk menjadi wakil dalam perkongsian ilmu berkaitan Islam. Di dalam buku panduan ‘Guidelines for Educators on Countering Intolerance and Discrimination against Muslims: Addressing Islamophobia through Education’ (2011), ianya mengatakan bahawa untuk mengurangkan diskriminasi ianya memerlukan proses pengajaran dan pembelajaran. Pengajaran dan pembelajaran tidak perlu berada dalam suasana yang formal atau di dalam dewan kuliah tetapi pelajar perlu mengambil kesempatan di dalam interaksi sosial bersama masyarakat untuk berkongsi maklumat dengan mereka.

Berdasarkan Model Lekuk-U fokus kajian ini lebih tertumpu kepada bahagian kejutan budaya dan proses penyesuaian sahaja. Dapat dilihat bahawa pelajar mengalami proses kejutan budaya apabila mereka masih melakukan perbandingan nilai mata wang tempatan dan Ringgit Malaysia, pelajar cuba menyesuaikan diri dengan cuaca, pelajar merindui suasana gerai dan mamak di Malaysia dan merindui makanan Malaysia. Proses penyesuaian itu lebih mencabar kerana ianya membabitkan identiti mereka sebagai pelajar Muslim dari Malaysia dan perlu hidup dalam suasana yang cukup berbeza. Ianya juga memakan masa untuk para pelajar benar-benar selesa di sana.

KESIMPULAN

Kajian ini telah berjaya mengenal pasti beberapa cabaran yang harus ditempuh oleh pelajar Malaysia semasa berada di luar negara. Antara isu-isu yang dibangkitkan adalah berkaitan cabaran sebagai seorang Muslim dan juga cabaran sosial dan persekitaran. Pelajar perlu sedar yang apabila mereka meninggalkan Malaysia, mereka telah berada di luar zon selesa dan perlu memahami dan menghormati konteks budaya masyarakat luar.

Berbekalkan pengalaman dan tunjuk ajar serta pertolongan dari kawan-kawan sebangsa atau berbangsa asing, mereka akan dapat menyesuaikan diri dengan keadaan di luar negara, dan seterusnya dapat mematangkan pemikiran mereka dalam menongkah arus kehidupan dalam era globalisasi masa kini. Cabaran yang dilalui ketika berada di sana perlu diatasi dengan cara mendalamai ilmu adaptasi dan memahami proses adaptasi dan kesannya ke atas pelajar. Budaya tempatan yang hendak dikunjungi juga perlu dikaji terlebih dahulu agar urusan penyesuaian dapat dilakukan dengan mudah. Pelajar juga harus sentiasa bersedia dan menempuh setiap cabaran yang dilalui dengan pemikiran positif.

PENGHARGAAN

Kajian ini dibiayai oleh Kementerian Pendidikan Malaysia di bawah *Fundamental Research Grant Scheme (FRGS)* bagi kod penyelidikan FRGS/1/2011/SS/UKM/03/5

RUJUKAN

- Berry, J.W. (2003). *Acculturation*. Sage Publications. America
- Constantine, M. G., Okazaki, S., & Utsey, S. O. (2004). Self-concealment, social self-efficacy, acculturative stress, and depression in African, Asian and Latin American International college students. *American Journal of Orthopsychiatry*. 74: 230-241
- Gabel, R. S, Dolen, S. L & Cerdin, J. L. (2005). Emotional intelligence as predictor of cultural adjustment for success in global assignments. *Career Development International*. 10(5): 375-395
- Gresham, R. (2003, April). Interaction between international students and local communities: Can we make it happen, and if so, what are the outcomes for the students, communities and university? *Journal of the Australia and New Zealand Student Services Association*. 21:20-34.
- Hofstede, G. (1984). *Culture's Consequences: International differences in work-related values*. Sage Publications. America.
- Kim, Y. Y. (1988). *Communication and cross cultural adaptation: An integrative theory*. The University of Michigan.
- Lysgaard, S. (1955). Adjustment in a foreign society: Norwegian Fulbright grantees visiting the United States. *International Science Bulletin*. 7: 45-51
- McDermott-Levy, R. (2011). Going alone: the lived experience of female Arab-Muslim nursing students living and studying in the United States. *Nursing Outlook*. 59(5): 266-277
- Oberg, K. 1960. Cultural shock: adjustment to new cultural environment. *Practical Anthropology*. 7: 177-182
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Statistik Perangkaan Kementerian Pendidikan Malaysia*
- Samovar, L. A. (2006). *Intercultural communication: A reader*. San Diego State University
- Sakurai, T., McCall-Wolf, F., & Kashima, E. S. (2010). Building intercultural links: the impact of Multicultural intervention programme on social ties of international students in Australia. *International Journal of Intercultural Relations*. 2(34): 176-185
- Smith, R. A & Khawaja, N. G. 2011. A review of the acculturation experience of international students. *International Journal of Intercultural Relations*. 35:699-713
- Thomas, D.C. & Ravlin, E.C. (1995). Responses of employee to cultural adaptation by a foreign manager. *Journal of Applied Psychology*. 80: 133-146
- Unesco. (2011). Guidelines for Educators on Countering Intolerance and Discrimination against Muslims: Addressing Islamophobia through Education.
- Williams, C.T & Johnson, L. J. (2011). Why can't we be friends?: Multicultural attitudes and friendships international students. *International Journal of Intercultural Relations*. 35: 41-48

Abdul Latiff Ahmad, Ali Salman, Emma Mirza Wati Mohamed & Hasrul Hashim
School of Media and Communication Studies
Faculty of Social Sciences and Humanities
Universiti Kebangsaan Malaysia
Bangi, Selangor
Malaysia
(Email: alba@ukm.edu.my)